

Bajet terbaik

UM 14 SEP 2003

KOTA BHARU 13 Sept. — Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam adalah yang terbaik dalam tempoh 30 tahun.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, ini berdasarkan pengalamannya selama 30 tahun di dalam kerajaan dan pernah terlibat secara langsung menyedhiakan bajet sejak 1974.

“Saya terlibat secara langsung dalam penyediaan

bajet sejak 1974 tetapi sekarang tidak lagi terlibat. Tetapi, pengalaman saya selama 30 tahun, ini bajet terbaik yang pernah dibentangkan oleh mana-mana Menteri Kewangan. Kita ucapkan syabas kepada Datuk Seri (Dr. Mahathir),” katanya di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas bajet terakhir yang dibentangkan oleh Dr. Mahathir semalam.

Berbanding bajet sebelum ini yang memberi perhatian kepada pelaburan langsung asing (FDI), beliau berkata, Bajet 2004 pula memberi

dalam 30 tahun

tumpuan kepada peniaga-peniaga kecil khususnya industri kecil dan sederhana (IKS) dan pembangunan beliau.

“Ini semua akan membangunkan sumber-sumber pertumbuhan domestik. Tidak pernah lagi dalam sejarah negara, kita (kerajaan) memberi begitu perhatian (kepada sektor tersebut),” katanya.

Menurut Mustapa, dalam Bajet 2004, selain mengalukan kehadiran FDI, kerajaan juga memberi penekanan begitu tinggi kepada sektor IKS yang memainkan

peranan penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, keadaan itu dapat dilihat dengan jelas apabila kerajaan memperuntukkan tambahan Skim Kredit Mikro sebanyak RM1 bilion melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM).

Mustapa berkata, dalam konteks negeri Kelantan, Bajet 2004 juga bukti betapa kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa membela golongan wanita, berbanding Pas yang mengatakan golongan itu hanya layak bekerja

sebagai guru dan dalam bidang kebajikan.

Selain itu katanya, kerajaan BN bukan sahaja bercakap tentang hukum-hukum tetapi juga sentiasa berjuang membina kekuatan dan ketamadunan Islam serta orang Melayu.

Justeru, beliau menasihatkan rakyat Kelantan memberi perhatian kepada ucapan Perdana Menteri mengenai adanya pendapat bahawa negara Islam mestilah miskin, ketinggalan zaman, mempunyai pentadbiran yang hanya tahu meminta-minta dan lemah.

“Ini ingatan untuk orang Kelantan bahawa kita tidak mahu umat Islam dilihat sebagai daif. Kita mahu umat Islam dikenali sebagai umat yang berjaya dan menjadi pemimpin bagi seluruh manusia,” jelasnya.

Menyentuh tentang kenaikan 20 peratus duti import dan eksais rokok serta produk tembakau pula, Mustapa berkata, beliau percaya pendekatan kerajaan itu akan lebih menguntungkan penanam tembakau di seluruh negeri ini.

“Kita rasa kepentingan penanam tembakau di Kelantan tidak akan terjejas” katanya.